

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/1993

Oktober/November 1992

BET 451/3: ENTOMOLOGI PERUBATAN & DOMESTIK

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BET 451/3)

1. Mengikut tinjauan WHO, penyakit malaria masih menjadi penyakit tropika utama di dunia ini sungguhpun Rancangan Pembasmian Malaria (RPM) telah dilaksanakan sejak tahun enam puluhan. Bincangkan masalah-masalah yang telah dihadapi semasa rancangan ini dilaksanakan di kawasan tropika. Pada pendapat anda, bagaimana rancangan ini dapat diperbaiki.

(20 markah)

2. Mengikut tinjauan penyakit bawaan vektor di Malaysia pada dekad yang lalu (1980-1989), keadaan penyakit malaria, filariasis dan demam denggi/demam denggi berdarah masih dianggap serius di negara kita. Terangkan kaedah pengawalan vektor untuk penyakit tersebut yang sedang dijalankan. Cadangkan bagaimana kaedah tersebut dapat diperbaiki untuk mengurangkan bilangan kes penyakit di atas.

(20 markah)

3. (a) Dengan menggunakan famili-famili yang tertentu, bincangkan filogeni dan evolusi dalam Order Diptera.

(10 markah)

- (b) Famili Culcidae dianggap famili serangga yang terpenting dari segi trasmisi penyakit tropika. Bincangkan ciri-ciri taksonomi penting untuk membezakan tiga subfamili dalam Famili ini.

(10 markah)

(BET 451/3)

4. (a) Senaraikan nama saintif sekurang-kurangnya 10 spesies perosak serangga utama untuk hasil-hasil simpanan di Malaysia. Terangkan sifat-sifat yang unit bagi bekas menyimpan hasil tersebut sebagai habitat perosak serangga.

(10 markah)

- (b) Bincangkan penggunaan bahan kimia untuk kawalan serangga hasil-hasil simpanan,

(10 markah)

5. Terangkan peranan setiap spesies yang berikut dari segi transmisi penyakit di Malaysia

- (a) *Musca domestica*
- (b) *Xenophyllia cheopis*
- (c) *Anopheles whartoni*
- (d) *Culex gelidus*
- (e) *Periplaneta americana*

(20 markah)

6. Tuliskan nota biologi untuk setiap tajuk yang berikut:-

- (a) Penyakit Leishmaniasis
- (b) Pediculidae
- (c) *Glossina* spesies
- (d) Demam Kuning
- (e) Reduviidae

(20 markah)